

Tangani air lebihan wuduk

Kolej Perwira UTHM lancar Projek Surau Lestari untuk selesaikan masalah pembaziran

BATU PAHAT - Kolej Kediaman Perwira, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), di sini meneruskan kesinambungan aspirasinya, yang sebelum ini dikenali sebagai Kolej Kediaman Rendah Karbon.

Awal bulan ini, satu lagi projek inovasi pelajarinya terhasil dengan melancarkan konsep surau lestari yang memanfaatkan air lebihan wuduk.

Pengetuannya, Prof Madya Dr Afandi Ahmad berkata, kajian awal yang dilakukan Majlis Kepimpinan Pelajar kolej berkenaan mendapati sejumlah 2.86 liter air digunakan seorang pelajar untuk mengambil wuduk.

Menurutnya, jika dihitung secara mingguan ia menjadi kepada 14.3 liter, seterusnya bagi bulanan ialah 443.3 liter manakala setiap tahun pula sebanyak 5,391.6 liter dibazirkan.

"Statistik ini jelas menunjukkan jumlah pembaziran air sangat tinggi dan pihak berkenaan berusaha memikirkan bagaimana penjimatan



Afandi (kiri) bersama pelajar Kolej Kediaman Perwira UTHM menunjukkan sayur-sayuran yang ditanam menerusi Projek Surau Lestari.

boleh dilakukan.

"Menerusi projek ini kita dapat melakukan penjimatan dan pelaksanaan itu selari dengan paradigma Tauhid yang menjadi tunjang misi oleh UTHM," katanya.

Afandi berkata, kaedah yang pihaknya dilakukan adalah menyalurkan air lebihan wuduk di

Surau Kolej Perwira ke sebuah tangki untuk ditapis sebelum digunakan untuk menyiram sayur-sayuran yang ditanam di sekitar surau tersebut.

Jelasnya, buat masa kini terdapat dua jenis sayuran iaitu salad dan sawi ditanam di sekitar surau berkenaan malah kini pihak ko-



Kejayaan tanaman dalam projek pertama kali ini akan diteruskan lagi dengan penanaman pelbagai jenis sayuran di sekitar kolej berkenaan.

lej sedang membuat kajian untuk meningkatkan skala projek yang dirancang.

"Kami akan cuba menanam pelbagai jenis sayuran di sekitar kolej berkenaan seterusnya memasarkan hasil tanaman tersebut bagi penajanaan pendapatan kepada pelajar di kolej itu.

"Secara langsung, usaha ini bukan sahaja membantu pelajar menyelesaikan masalah seharian malah meningkatkan kemahiran keusahawanan dalam diri mereka selari dengan lonjakan pertama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (pengajian tinggi)," katanya.